



Ruj. Kami : KKM.500-3/4/9 Jld i2 (33)  
Tarikh : 14 Jun 2022

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

## HEBAHAN PELAWAAN PROGRAM PENAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA BULAN JUN 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa **Pegawai-pegawai Kumpulan Pelaksana (Bukan Gunasama dan Kader) lantikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** untuk memohon kemudahan penajaan berikut:
  - i. **Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) bagi pengajian di peringkat Ijazah Pertama Secara Separuh Masa Tahun 2022; atau**
  - ii. **Diploma Siswazah di bawah Speciality Program of Alcohol and Drug Abuse (SPADA) Tahun 2022**
3. Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dan berkelayakan perlu melengkapkan borang permohonan secara dalam talian bermula **daripada 8 Jun 2022 sehingga 8 Julai 2022 melalui pautan <https://esilav2.jpa.gov.my>.** Maklumat lanjut berhubung permohonan ini adalah seperti di Lampiran A.
4. Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang dinyatakan oleh pihak JPA hendaklah disahkan, dihantar dan diterima oleh **Bahagian Pengurusan Latihan, KKM selewat-lewatnya 8 Julai 2022 sebelum dipanjangkan ke JPA** ke alamat di bawah:

Unit Program Kepakaran 1  
Cawangan Operasi Latihan  
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM  
Aras 6, Menara Prisma, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3  
62675, Putrajaya

5. Ketua Jabatan adalah dicadangkan supaya hanya menyokong dan mempertimbangkan calon-calon yang layak, sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Calon pula dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. Dokumen yang tidak lengkap/tidak memenuhi syarat/kelayakan/tidak mematuhi tarikh penerimaan dokumen yang ditetapkan iaitu 8 Julai 2022 tidak akan dipertimbangkan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila e-mel kepada [psuldp1@moh.gov.my](mailto:psuldp1@moh.gov.my).

6. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan pelawaan kemudahan PKPP ini kepada semua Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(AZLAN BIN AHMAD)

Bahagian Pengurusan Latihan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

**s.k.**

**Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi**  
**Program Perkhidmatan Farmasi**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan**  
**Program Keselamatan dan Kualiti Makanan**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan**  
**Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah**  
**Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Pengarah**  
**Bahagian Kejururawatan**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Ketua Penolong Pegawai Perubatan**  
**Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan**  
**Bahagian Amalan Perubatan**

## **SENARAI EDARAN**

**Semua Pengarah Bahagian  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Semua Setiausaha Bahagian  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Semua Pengarah Hospital  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Semua Pengarah Institut  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Semua Pengarah  
Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia**



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### PELAWAAN PERMOHONAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) BAGI PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA SECARA SEPARUH MASA TAHUN 2022

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa **Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP)** dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan** yang berminat dan berkelayakan untuk memohon secara dalam talian **Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) bagi pengajian Ijazah Pertama secara SEPARUH MASA tahun 2022** bermula daripada **8 Jun 2022 sehingga 8 Julai 2022** melalui pautan <https://esilav2.jpa.gov.my>.

Borang permohonan yang telah dilengkapkan secara dalam talian beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA melalui **Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing selewat-lewatnya pada 15 Julai 2022**. Dokumen-dokumen permohonan yang lengkap tersebut hendaklah dikemukakan sama ada melalui serahan tangan / pos kepada pihak JPA melalui alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran LDP)

Maklumat lanjut berhubung permohonan ini adalah seperti di **Lampiran A** dan sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung PPKP Separuh Masa ini, pihak penyelaras yang boleh hubungi adalah seperti berikut:

**Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran LDP**  
**Telefon : 03 – 8885 3053 / 3371**  
**E-mel : [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my)**

**Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam**

**8 Jun 2022**

# **LAMPIRAN A**

**PPKP  
(SEPARUH MASA)**

**MAKLUMAT BERHUBUNG PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA  
BAGI PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA  
SECARA SEPARUH MASA TAHUN 2022**

**1. PERINGKAT, BIDANG DAN INSTITUSI PENGAJIAN**

- (i) Peringkat pengajian yang ditaja untuk pengajian secara separuh masa adalah **IJAZAH PERTAMA** sahaja.
- (ii) Bidang pengajian yang terlibat adalah bidang keperluan guna tenaga perkhidmatan awam seperti **LAMPIRAN 1** kecuali bidang **Perubatan, Pergigian, Farmasi, Veterinar dan Undang-Undang**. Namun, bidang pendidikan hanya **terhad** kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sahaja.
- (iii) Senarai Universiti Awam/ Politeknik yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

**2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- (i) Had umur **tidak melebihi 45 tahun** pada 1 Januari 2022;
- (ii) Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan** yang sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan tetap**;
- (iii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini**;
- (iv) Mencapai markah minimum LNPT **85% bagi tempoh tiga tahun terakhir berturut-turut** (2019, 2020 & 2021) dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- (v) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **10 tahun pada 1 Januari 2022**;

- (vi) Memperoleh pencapaian akademik:
- Mempunyai sekurang-kurangnya **lima kepujian** di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk kepujian subjek Bahasa Melayu dan lulus Sejarah atau kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang telah disetarakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) kepada SPM;
  - Memiliki kelulusan sama ada Diploma/ Diploma TVET/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ A-Level.
- (vii) Bagi pegawai yang tidak memenuhi syarat pencapaian akademik di perkara (vi) di atas, pegawai **boleh menggunakan kelulusan APEL.A**;
- (viii) Memperoleh skor bagi keputusan Malaysian University English Test (MUET) sekurang-kurangnya **Band 2**;
- (ix) Telah **memulakan pengajian** (belum mempunyai Purata Nilai Gred Keseluruhan – PNGK) di peringkat Ijazah Pertama secara separuh masa pada tarikh tutup permohonan;
- atau
- (x) sedang **dalam pengajian** di peringkat Ijazah Pertama secara separuh masa (dengan PNGK **minimum 3.00**) dan mempunyai sekurang-kurangnya **baki tiga semester** pada tarikh tutup permohonan;
- (xi) Telah mendapatkan **kelulusan melanjutkan pengajian** secara separuh masa daripada Ketua Jabatan dan/ atau Ketua Perkhidmatan;
- (xii) Kursus yang diikuti hendaklah mendapat **akreditasi penuh oleh MQA**;

- (xiii) Pegawai yang memohon kemudahan ini hendaklah mengikuti kursus pada **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
- (xiv) Permohonan disokong oleh Ketua Jabatan dan diperaku oleh Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM);
- (xv) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/ sederhana/ pendek di bawah kemudahan cuti belajar sedia ada seperti berikut:
- | <b>Tempoh Kursus</b>                        | <b>Tempoh Menunggu<br/>(Dikira sehingga 1 Januari 2022)</b> |
|---|---|
| Lebih 12 bulan                              | 2 tahun   |
| Lebih dari 3 bulan,<br>kurang dari 12 bulan | 1 tahun   |
- (xvi) **Bebas** dari sebarang pertuduhan/tindakan mahkamah; tatatertib/ dakwaan
- (xvii) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain;
- (xviii) Telah mengisyiharkan harta dalam tempoh **lima (5) tahun terkini**;
- (xix) Calon perlu bebas dari sebarang penyakit kronik seperti **LAMPIRAN 3**; dan
- (xx) Calon tidak mendapat penajaan/ biasiswa/ pinjaman dari badan-badan lain bagi kursus yang dimohon.

### 3. TATACARA PERMOHONAN

- (i) Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat **semakan yang teliti** dan **memberi sepenuh perhatian** kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di **Lampiran A**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk menyokong / memberi perlepasan dan Ketua Perkhidmatan melalui Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM)<sup>1</sup> untuk memperakukan pegawai-pegawai yang **bersesuaian dan berkelayakan** berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.
- (ii) Permohonan yang **tidak lengkap, tidak memenuhi syarat dan/atau tidak dikemukakan** melalui Ketua Jabatan dan PPSM masing-masing secara automatik **tidak akan diproses dan dipertimbangkan oleh Jabatan ini**. Jabatan ini **berhak menolak pencalonan / permohonan** yang didapati tidak mematuhi ketetapan yang digariskan.

#### A) TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PEMOHON

- (i) Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dikehendaki **membaca** dan **memahami** syarat-syarat permohonan sebelum membuat permohonan.
- (ii) Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui pautan <https://esilav2.jpa.gov.my> bermula daripada **8 Jun 2022 sehingga 8 Julai 2022**.
- (iii) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai kumpulan pelaksana**. Pegawai pemohon juga bertanggungjawab untuk memastikan segala

<sup>1</sup> PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan gunasama (PTD, PLV dan PPSi) yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal Kementerian masing-masing sahaja walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.

maklumat di ruangan perakuan Ketua Jabatan **dilengkapkan tanpa sebarang keciran maklumat** sebelum borang permohonan dikemukakan kepada urus setia PPSM masing-masing.

- (iv) Borang permohonan yang lengkap tersebut perlu dikemukakan kepada urus setia PPSM masing-masing bersama-sama dengan **dokumen-dokumen sokongan** yang berkaitan seperti berikut:
- (a) Borang Maklumat Ringkas Pengajian (yang dilengkapkan oleh pihak institusi pengajian seperti di **LAMPIRAN 4**);
  - (b) Kalendar akademik terkini;
  - (c) Salinan kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan;
  - (d) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia;
  - (e) Salinan Diploma/ Diploma TVET/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ A-Level;
  - (f) Salinan surat tawaran politeknik/ universiti awam yang dipersetujui JPA;
  - (g) Salinan slip pendaftaran/ surat pengesahan pendaftaran kemasukan ke institusi;
  - (h) Salinan keputusan peperiksaan terkini (jika berkaitan);
  - (i) Slip akreditasi kursus oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang dicetak melalui pautan <http://www2.mqa.gov.my/mqr>; dan
  - (j) Salinan surat pelantikan ke Perkhidmatan Awam Persekutuan (bagi lantikan pertama ke Perkhidmatan Awam dan lantikan ke skim terkini sekiranya ada);

Nota : Semua salinan dokumen di perkara 3 A) (iv) (a) hingga (j) di atas kecuali dokumen asal hendaklah **disahkan oleh pegawai yang berkelayakan**.

**B) TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN / KETUA PERKHIDMATAN / PEGAWAI PENGAWAL**

- (i) Ketua Jabatan<sup>2</sup> di mana pegawai kumpulan pelaksana ditempatkan hendaklah menyokong permohonan pegawai kumpulan pelaksana yang memenuhi syarat dan boleh diberi perlepasan sahaja. Ketua Jabatan perlu **melengkapkan dan mengesahkan maklumat perkhidmatan pegawai serta menandatangani ruangan perakuan Ketua Jabatan pada borang permohonan pegawai.**

Nota : Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.

- (ii) Ketua Perkhidmatan / Pegawai Pengawal melalui PPSM masing-masing perlu **memperakuan permohonan yang memenuhi syarat dan bersesuaian sahaja** kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk saringan dan pemilihan lanjut. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab urus setia PPSM untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
- (a) **Melengkapkan borang Laporan Panel Pengurusan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96;**
  - (b) **Memastikan maklumat perkhidmatan** di ruangan perakuan Ketua Jabatan pada borang permohonan pegawai **adalah tepat dan benar** serta **telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan** yang berkaitan. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.
  - (c) Pencalonan yang dikemukakan kepada BMI, JPA hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:
    - i. Dokumen-dokumen seperti di perenggan 3 A) (iii) dan (iv);
    - ii. Dokumen-dokumen seperti di perenggan 3 B) (ii) (a).

---

<sup>2</sup> Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat mengetuai sesuatu bahagian di mana pegawai kumpulan pelaksana ditempatkan atau bahagian pengurusan sumber manusia di Kementerian/Jabatan/Agenzi seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dsb.

Nota : Semua dokumen ini hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2) SET DOKUMEN.**

- (iii) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan dan diterima oleh Jabatan ini selewat-lewatnya pada **15 Julai 2022** sama ada melalui pos atau serahan tangan ke alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
62510 PUTRAJAYA.

**(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)**

**C) KEMUDAHAN**

- (i) Calon yang berjaya terpilih di bawah PPKP separuh masa akan ditawarkan penajaan biasiswa daripada Kerajaan yang merangkumi bayaran **yuran pengajian, elaun buku dan elaun tesis** (sekiranya berkaitan). Tempoh penajaan adalah bergantung kepada **baki semester pengajian atau tempoh maksimum penajaan** (yang mana lebih pendek); dan
- (ii) Selain daripada Yuran Pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis, pegawai juga layak untuk mendapat kemudahan **Cuti Kursus Sambilan** tidak melebihi 30 hari dalam setahun seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2009 (Kemudahan Cuti) Kursus Sambilan (CKS) Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dalam Negara).

**D) IKATAN PERJANJIAN DENGAN KERAJAAN**

Calon yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan **tertakluk dengan tempoh ikatan kontrak** yang dikenakan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

**LAMPIRAN 1****SENARAI BIDANG PENGAJIAN  
IJAZAH PERTAMA TAHUN 2022**

<b>KLUSTER</b>	<b>BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS</b>	
<i>Agriculture and Veterinary</i>	1	Botani
	2	Pengurusan Perladangan
	3	Perhutanan
	4	Perikanan
	5	Pertanian
<i>Arts and Humanities</i>	1	Animasi
	2	Bahasa
	3	Grafik dan Multimedia
	4	Kaji Purba
	5	Kebudayaan dan Kesenian Melayu
<i>Education</i>	1	Pendidikan
<i>Engineering, Manufacturing and Construction</i>	1	Geomatik
	2	Alam Sekitar
	3	Automotif
	4	Awam
	5	Bahan
	6	Biokimia
	7	Elektrik
	8	Elektronik
	9	Kimia
	10	Komputer
	11	Marin
	12	Maritim/Laut
	13	Mekanik
	14	Mekatronik

<b>KLUSTER</b>	<b>BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS</b>	
<i>Engineering, Manufacturing and Construction</i>	15	Pembuatan
	16	Perairan dan Seni Bina Laut
	17	Pengajian Nautikal
	18	Pengurusan Maritim
	19	Pertanian
	20	Remote Sensing
	21	Seni Bina Lanskap (Kepujian)
	22	Seni Bina ( <i>Architecture</i> )
	23	Teknologi Kejuruteraan Awam
	24	Teknologi Kejuruteraan Elektronik
	25	Teknologi Kejuruteraan Kimia
	26	Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer)
	27	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
	28	Teknologi Kreatif
	29	Teknologi Makanan
	30	Teknologi Maklumat
	31	Teknologi Marin
	32	Teknologi Maritim
	33	Teknologi Perkayuan
	34	Ukur Bahan
	35	Ukur Bangunan
	36	Ukur Tanah
<i>Health and Welfare</i>	1	Dietetik
	2	Fisioterapi
	3	Kejururawatan
	4	Nutrisi
	5	Optometri
	6	Pemulihan Carakerja

<b>KLUSTER</b>	<b>BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS</b>
	1 Astronomi – Sains
	2 Audiologi
	3 Ekologi
	4 Forensik Sains
	5 Geologi
	6 Geosains
	7 Meteorologi
	8 Oseanografi
	9 Pengimejan Diagnostik dan Radioterapi
	10 Pengimejan Perubatan
	11 Radiografi
	12 Sains (Geoinformatik)
	13 Sains Aktuari
	14 Sains Bioindustri
	15 Sains Biologi
	16 Sains Fizik
	17 Sains Kimia
	18 Sains Kognitif
	19 Sains Komputer
	20 Sains Laut
	21 Sains Maklumat
	22 Sains Matematik
	23 Sains Pemakanan
	24 Sains Persekutaran
	25 Sains Samudera
	26 Sistem Maklumat
	27 Statistik
	28 Telekomunikasi
	29 Zoologi

*Science,  
Mathematics and  
Computing*

<b>KLUSTER</b>	<b>BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS</b>	
<i>Services</i>	1	Bidang Keselamatan/ Pertahanan Awam
	2	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
	3	Pelancongan
	4	Pembangunan Belia dan Komuniti
	5	Pengurusan Hospital
	6	Pengurusan Hotel dan Katering
	7	Pengurusan Kualiti Makanan
	8	Pengurusan Pembangunan Masyarakat
	9	Pengurusan Perkhidmatan Makanan
	10	Seni Kulinari
<i>Social Science, Business and Law</i>	1	Antropologi
	2	Arkib
	3	Bioteknologi
	4	Ekonomi
	5	Ekonomi Rumahtangga
	6	Fotografi
	7	Geografi
	8	Insurans
	9	Kaunseling
	10	Keusahawanan
	11	Kewangan
	12	Kewartawanan
	13	Komunikasi
	14	Komunikasi Massa
	15	Pemasaran
	16	Pembangunan Sumber Manusia
	17	Penerbitan/ Percetakan
	18	Pengajian Media
	19	Pengajian Perniagaan
	20	Pengurusan Acara

<b>KLUSTER</b>	<b>BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS</b>	
<i>Social Science, Business and Law</i>	21	Pengurusan dan Teknologi Pejabat
	22	Pengurusan Harta Tanah
	23	Pengurusan Sukan dan Rekreasi
	24	Pentadbiran Awam
	25	Penyiaran
	26	Perakaunan
	27	Perancangan Bandar dan Wilayah
	28	Perbankan
	29	Percukaian
	30	Perdagangan
	31	Perhubungan Antarabangsa
	32	Peruncitan
	33	Psikologi
	34	Sains Kemasyarakatan
	35	Sains Kesetiausahaan
	36	Sains Pengurusan Rekod
	37	Sains Perpustakaan
	38	Sains Politik
	39	Sains Sukan
	40	Sosiologi
	41	<i>Teaching English As A Second Language (TESL)</i>

Sumber: Bahagian Perkhidmatan JPA

**LAMPIRAN 2****SENARAI UNIVERSITI TEMPATAN  
TAHUN 2022****(IJAZAH PERTAMA)**

<b>BIL.</b>	<b>UNIVERSITI</b>
1	Universiti Malaya (UM)
2	Universiti Sains Malaysia (USM)
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4	Universiti Putra Malaysia (UPM)
5	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
7	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
8	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
9	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
10	Universiti Utara Malaysia (UUM)
11	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
12	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
13	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
14	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
15	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
17	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
18	Universiti Teknikal Melaka (UTeM)
19	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
20	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
21	Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) <i>(Sepenuh Masa sahaja)</i>

**SENARAI POLITEKNIK  
TAHUN 2022**

**(IJAZAH PERTAMA)**

<b>BIL.</b>	<b>POLITEKNIK</b>
1	Politeknik Ungku Omar (PUO)
2	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)
3	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)
4	Politeknik Kota Bharu (PKB)
5	Politeknik Kuching Sarawak (PKS)
6	Politeknik Port Dickson (PPD)
7	Politeknik Kota Kinabalu (PKK)
8	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)
9	Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)
10	Politeknik Seberang Perai (PSP)
11	Politeknik Melaka (PMK)
12	Politeknik Kuala Terengganu (PKT)
13	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)
14	Politeknik Merlimau (PMM)
15	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)
16	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)
17	Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)
18	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)
19	Politeknik Muadzam Shah (PMS)
20	Politeknik Mukah Sarawak (PMU)
21	Politeknik Balik Pulau (PBU)
22	Politeknik Jeli (PJK)
23	Politeknik Nilai (PNS)
24	Politeknik Banting (PBS)
25	Politeknik Mersing (PMJ)
26	Politeknik Hulu Terengganu (PHT)
27	Politeknik Sandakan (PSS)
28	Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL)
29	Politeknik METrO Kuantan (PMKU)
30	Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB)
31	Politeknik METrO Betong (PMBS)
32	Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG)

<b>BIL.</b>	<b>POLITEKNIK</b>
33	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)
34	Politeknik Besut (PBT)
35	Politeknik Bagan Datuk (PBD)
36	Politeknik Tawau (PTS)

Sumber: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi

## LAMPIRAN 3

### JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- (i) Kanser;
- (ii) Serangan jantung;
- (iii) Pulmonary Hypertension;
- (iv) Sakit buah pinggang yang kronik;
- (v) Sakit hati (*liver*) yang kronik;
- (vi) Fullminant Viral Hepatitis;
- (vii) Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- (viii) Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- (ix) Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- (x) Pemindahan organ utama;
- (xi) Penyakit Parkinson;
- (xii) Penyakit HIV dan Aids;
- (xiii) Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- (xiv) Skizofernia; dan
- (xv) Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

## LAMPIRAN 4

### MAKLUMAT RINGKAS PENGAJIAN

Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
No. Matrik/ Kad Pelajar :  
Nama Institusi :  
Program :

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar berikut ialah pelajar berdaftar di institusi ini.  
Maklumat pelajar ialah seperti berikut :

- a) Tarikh Mendaftar Diri :
- b) Semester Pengajian Sekarang :
- c) Mod Pengajian :
- d) Kursus:
- e) Tempoh Pengajian :
- f) Jangkaan Tamat :
- g) Baki Semester :
- h) Tajaan Lain (Pinjaman/ Biasiswa):
- i) Perlanjutan/Penangguhan : Ada / Tiada (Sekiranya ada nyatakan **sebab dan tempoh**)

---

---

---

---

---

- j) Anggaran yuran pelajar bagi sepanjang pengajian : (**Sila buat Lampiran**)
- k) Anggaran baki yuran pengajian pelajar : (**Sila buat Lampiran**)

Saya mengesahkan bahawa kenyataan berkenaan maklumat pengajian adalah benar.

-----  
(Tandatangan Pihak Institusi)

Nama :  
Jawatan :  
Cop Rasmi :  
Tarikh :

**LAPORAN JAWATANKUASA LATIHAN KEMENTERIAN/JABATAN  
UNTUK KURSUS DALAM PERKHIDMATAN**

1. TAJUK KURSUS				
2. TEMPAT KURSUS				
3. TEMPOH KURSUS				
4. PENGANJUR				
5. BIL. PERMOHONAN DITERIMA				
6. BIL. CALON YANG LAYAK				
7. BUTIR-BUTIR CALON YANG DIPERAKUKAN (Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)				
<b>Nama dan Jawatan Calon</b>	<b>Kelulusan / Institut / Tahun</b>	<b>Perkhidmatan Sekarang</b>		<b>Tarikh Lahir / Umur</b>
		<b>T/Lantikan</b>	<b>T/Sah</b>	
<u>Calon Tetap</u>				
<u>Calon Simpanan</u>				
8. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA LATIHAN		ASAS ASAS PERAKUAN		
<b>PENGERUSI:</b> Nama : Jawatan: <b>AHLI :</b> 1. Nama : Jawatan: 2. Nama: Jawatan:  ..... (Tandatangan Pengerusi/Setiausaha)		<b>PERAKUAN</b> DENGAN PERAKUAN INI KETUA JABATAN/ KEMENTERIAN BERSETUJU MELULUSKAN PEGAWAI UNTUK BERKURSUS		
Nama : Jawatan: Cop Rasmi Kerajaan: Tarikh: .....				



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### PELAWAAN PERMOHONAN

### DIPLOMA SISWAZAH / SARJANA DI BAWAH SPECIALITY PROGRAM OF ALCOHOL AND DRUG ABUSE (SPADA) TAHUN 2022

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa **Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan** yang berminat dan berkelayakan untuk memohon secara dalam talian bagi mengikuti pengajian Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah / Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) di **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** atau **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**. Pegawai awam yang ditawarkan penajaan di bawah program SPADA ini akan mengikuti pengajian seperti berikut:

- (i) **Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah** untuk tempoh 12 bulan pertama yang melibatkan **Pegawai Kumpulan Pelaksana** dan **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional**; dan
- (ii) **Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)** untuk tempoh 12 bulan berikutnya yang hanya melibatkan **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional sahaja**.

Permohonan secara dalam talian dibuka bermula daripada **8 Jun 2022 sehingga 8 Julai 2022** melalui pautan <https://esilav2.jpa.gov.my>. Borang permohonan yang telah dilengkапkan secara dalam talian beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA melalui **Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing selewat-lewatnya pada 15 Julai 2022**. Dokumen-dokumen permohonan yang lengkap tersebut hendaklah dikemukakan sama ada melalui serahan tangan / pos kepada pihak JPA melalui alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Awam Bahagian  
Pembangunan Modal Insan Aras 3, Blok  
C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
**(u.p: Unit Pengurusan Penawaran LDP)**

Maklumat lanjut berhubung permohonan ini adalah seperti di **Lampiran A** dan sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung penajaan program ini ini, pihak penyelaras yang boleh hubungi adalah seperti berikut:

**Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran LDP**  
**Telefon : 03 – 8885 3053 / 3371**  
**E-mel : [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my)**

**Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam**

**8 Jun 2022**

**LAMPIRAN A**

**MAKLUMAT BERHUBUNG PERMOHONAN  
DIPLOMA SISWAZAH / SARJANA DI BAWAH SPECIALITY PROGRAM OF  
ALCOHOL AND DRUG ABUSE (SPADA) TAHUN 2022**

**1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- (i) Pegawai kumpulan **Pengurusan & Profesional (P&P)** serta Pelaksana lantikan tetap **Perkhidmatan Awam Persekutuan**;
- (ii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada 1 Januari 2022;
- (iii) Mencapai purata markah minimum Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **85% bagi tempoh tiga tahun berturut-turut (2019, 2020 & 2021)** dalam **skim perkhidmatan terkini**. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- (iv) Berumur tidak melebihi **45 tahun** pada 1 Januari 2022;
- (v) Pegawai hendaklah mempunyai **Ijazah Pertama** dalam **bidang Kaunseling / Bimbingan dan Kaunseling yang diiktiraf** atau Ijazah Pertama dalam **mana-mana bidang yang sesuai**;
- (vi) **Terlibat dalam tugas-tugas berkaitan dengan pengendalian/ pencegahan/ penguatkuasaan, pemulihan, pendidikan pencegahan dan pengurangan kemudaratan penagihan/ penyalahgunaan dadah**;
- (vii) Mengikuti pengajian pada **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik dimiliki;
- (viii) Bebas daripada **sebarang pertuduhan/tindakan tatatertib/ dakwaan mahkamah**;
- (ix) Telah mengisyiharkan harta dalam tempoh **lima (5) tahun terkini**;
- (x) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain; dan
- (xi) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/ sederhana/ pendek di bawah kemudahan cuti belajar sedia ada seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (Dikira sehingga 1 Januari 2022)
Lebih 12 bulan	2 tahun
Lebih dari 3 bulan, kurang dari 12 bulan	1 tahun

## 2. TATACARA PERMOHONAN


- (i) Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat **semakan yang teliti** dan **memberi sepenuh perhatian** kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di **perkara 1** di atas. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk menyokong / memberi pelepasan dan Ketua Perkhidmatan melalui Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM)<sup>1</sup> untuk memperakarkan pegawai-pegawai yang **bersesuaian dan berkelayakan** berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.
- (ii) Permohonan yang **tidak lengkap, tidak memenuhi syarat dan/atau tidak dikemukakan** melalui Ketua Jabatan dan PPSM masing-masing secara automatik **tidak akan diproses dan dipertimbangkan oleh Jabatan ini**. Jabatan ini **berhak menolak pencalonan / permohonan** yang didapati tidak mematuhi ketetapan yang digariskan.
- (iii) Pemilihan calon dan tempat pengajian juga **tertakluk kepada kelulusan senat universiti**. Maklumat lanjut mengenai program ini boleh didapati di [www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my) dan [www.ums.edu.my](http://www.ums.edu.my).

### A) TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PEMOHON

- (i) Pegawai yang berminat dikehendaki **membaca dan memahami** syarat-syarat permohonan sebelum membuat permohonan.
- (ii) Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui pautan

<sup>1</sup> PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan gunasama (PTD, PLV dan PPSi) yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal Kementerian masing-masing sahaja walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.

<https://esilav2.jpa.gov.my> bermula daripada **8 Jun 2022 sehingga 8 Julai 2022.**

- 
- (iii) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai**. Pegawai pemohon juga bertanggungjawab untuk memastikan segala maklumat di ruangan perakuan **Ketua Jabatan dilengkapkan tanpa sebarang keciciran maklumat** sebelum borang pemohonan dikemukakan kepada urus setia PPSM masing-masing.
  - (iv) Borang permohonan yang lengkap tersebut perlu dikemukakan kepada urus setia PPSM masing-masing bersama-sama dengan **dokumen-dokumen sokongan** yang berkaitan seperti berikut:
    - (a) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia;
    - (b) **Salinan Ijazah Pertama** lengkap dengan **transkrip** atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya; dan
    - (c) Salinan senarai tugas.

Nota : Semua salinan dokumen di perkara 2 A) (iv) (a) hingga (c) di atas kecuali dokumen asal hendaklah **disahkan oleh pegawai yang berkelayakan**.

## B) TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN / KETUA PERKHIDMATAN / PEGAWAI PENGAWAL

- (i) Ketua Jabatan<sup>2</sup> di mana pegawai ditempatkan hendaklah menyokong permohonan pegawai yang memenuhi syarat dan boleh diberi pelepasan sahaja. Ketua Jabatan perlu **melengkapkan dan mengesahkan maklumat perkhidmatan pegawai serta menandatangani** ruangan perakuan Ketua Jabatan pada borang permohonan pegawai.

Nota : Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.

---

<sup>2</sup> Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat mengetuai sesuatu bahagian di mana pegawai kumpulan pelaksana ditempatkan atau bahagian pengurusan sumber manusia di Kementerian/Jabatan/Agenzi seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dsb.

(ii) Ketua Perkhidmatan / Pegawai Pengawal melalui PPSM masing-masing perlu **memperakukan permohonan yang memenuhi syarat dan bersesuaian sahaja** kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk saringan dan pemilihan lanjut. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab urus setia PPSM untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (a) **Melengkapkan borang Laporan Panel Pengurusan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96;**
- (b) **Memastikan maklumat perkhidmatan** di ruangan perakuan Ketua Jabatan pada borang permohonan pegawai **adalah tepat dan benar** serta **telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan** yang berkaitan. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.
- (c) Pencalonan yang dikemukakan kepada BMI, JPA hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:
  - i. Dokumen-dokumen seperti di perenggan 2 A) (iii) dan (iv);
  - ii. Dokumen-dokumen seperti di perenggan 2 B) (ii) (a).

Nota : Semua dokumen ini hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2) SET DOKUMEN.**

(iii) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan dan diterima oleh Jabatan ini selewat-lewatnya pada **15 Julai 2022** sama ada melalui pos atau serahan tangan ke alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C

62510 PUTRAJAYA.

(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

### C) IKATAN PERJANJIAN DENGAN KERAJAAN

Calon yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan **tertakluk dengan tempoh ikatan kontrak** yang dikenakan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.